

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]

TARIKH : 10.6.2014

NO. SOALAN :

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sedangkan kementerian bersetuju untuk menimbang semula sistem PBS atau sistem penilaian dalaman sekolah, adakah kementerian berhasrat untuk meneruskan sistem ini atau tidak dan apakah kaedah akan diambil untuk menambahbaik sistem ini supaya guru-guru di sekolah tidak di bebankan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melakukan penambahbaikan dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang dilaksanakan bermula pada 1 April 2014 di semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, KPM amat prihatin dengan kesukaran guru dalam penggunaan Dokumen Standard Prestasi (DSP) sebelum ini yang menyebabkan guru terikat dengan bilangan pernyataan deskriptor dan pernyataan evidens yang banyak. Bagi menangani isu ini, KPM telah menetapkan Dokumen Standard Prestasi (DSP) dipermudahkan menjadi **Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (Panduan PPM)**. Berdasarkan panduan ini, pernyataan deskriptor dan pernyataan evidens telah dikurangkan kepada pernyataan deskriptor sahaja. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), guru menggunakan kurikulum kebangsaan yang

dibangunkan berdasarkan tema, tajuk atau kemahiran mata pelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Semasa proses PdP, guru mentaksir murid melalui pemerhatian, penilaian hasil kerja serta aktiviti latihan pengkayaan dan pemulihan prestasi. Untuk mengenalpasti tahap penguasaan murid yang ditaksir, guru boleh merujuk kepada Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid tersebut.

Di samping itu juga, guru boleh merekod perkembangan pembelajaran murid mengikut budi bicara, kesesuaian masa serta kaedah mereka sendiri. Menerusi penambahbaikan PBS, **Fail Perkembangan Murid, Fail Showcase dan Rekod Transit ditiadakan**. Dengan cara ini, guru dapat memberi fokus terhadap tugas pengajaran dan murid boleh menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai melalui proses pembelajaran yang lebih terancang, menarik dan bermakna. Guru tidak lagi dibebankan dengan tugas pengumpulan data dan evidens hasil kerja murid melalui pernyataan evidens yang terlalu banyak dan kompleks.

Dengan penambahbaikan ini, KPM yakin isu penggunaan kertas yang banyak dalam proses mentaksir murid dapat ditangani. Oleh itu, KPM akan mengadakan latihan literasi pentaksiran secara berterusan supaya guru memahami konsep pentaksiran dan mengamalkan pelbagai instrumen (selain ujian kertas dan pensel) untuk melihat perkembangan (*growth*) pembelajaran murid serta pencapaian prestasi seseorang murid seperti kuiz, main peranan, lisan, pemerhatian, persembahan, amali dan lain-lain lagi.

KPM masih konsisten dengan hasrat untuk menerapkan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan sekolah. Walaupun pengisian data penguasaan murid menerusi **Sistem Pengurusan PBS (SPPBS) secara online ditiadakan** bagi memastikan guru memberi fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran, guru masih digalakkan merekodkan perkembangan pembelajaran murid secara *offline* dengan menggunakan Modul Perekodan Perkembangan Pembelajaran Murid yang disediakan dalam format *excel*.